

12/05/2000

Surat terbuka untuk Naib Presiden

Ahmad A Talib

11 Mei, 2000

MENEMUI Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Hishammuddin Hussein dan Datuk Seri Rafidah Aziz.

Tahniah di atas kejayaan saudara/i sekalian kerana dipilih oleh perwakilan untuk menduduki kerusi Naib Presiden yang empok tetapi panas. Kejayaan saudara/i sudah tentu menjadi perangsang peribadi khususnya dan azimat bagi setiap ahli Umno amnya. Agar kejayaan saudara direstui Allah dan moga-moga kejayaan ini akan menjadi pendorong besar bagi saudara/i untuk terus menabur bakti kepada agama, bangsa dan tanahair.

Ketika nama saudara/i dilaungkan oleh Pengerusi Tetap, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah kira-kira jam 9.15 malam, saya dapat melihat dan berasakan kegembiraan semua penyokong. Ada yang melonjak, ada yang menadah tangan tanda syukur, ada yang mengalirkan air mata dan tidak kurang juga ada yang tergamam buat seketika. Saya pasti pada saat itu, saudara/i tentu terasa terharu.

Manakan tidak. Setelah berhempas pulas dan bersengkang mata beberapa minggu, saudara/i didapati layak berganding bahu dan duduk semeja dengan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta pemimpin pilihan yang lain dan tidak kurang hebatnya, untuk merancang dan meneruskan perjuangan yang belum selesai.

Saudara/i tentu tahu bahawa dalam kegembiraan, ada tangisan; dalam kesedihan, juga ada kejayaan; justeru, dalam kekalahan, pasti ada hikmah. Sebenarnya, dalam perjuangan yang saudara/i lalui, tidak ada kekalahan yang boleh menghalang seseorang itu untuk undur dan menjauhkan diri.

Dengan pemilihan saudara/i ke tampok pimpinan yang begitu tinggi, semua ahli menaruh harapan agar cita-cita mereka akan menjadi realiti. Dalam keadaan hari ini, saya dapat berasakan bahawa mereka mahukan perubahan dalam parti, perubahan yang boleh memberi mereka keyakinan bahawa Umno wujud untuk mereka, semua orang Melayu khususnya dan sekalian rakyat amnya.

Saudara/i semua harus, malah wajib, mendampingi orang Melayu dengan lebih dekat. Jika mereka marah, saudara/i hendaklah meredakannya; jika mereka gelisah, saudara/i hendaklah menenangkan kegelisahan itu; jika mereka merajuk, andalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk memujuk; jika hati mereka keras, saudara/i perlu melembutkannya; jika mereka berdendam, saudara/i jugalah orang yang patut mengikiskannya.

Ramai orang mengharap saudara/i semua akan memimpin dengan menunjukkan teladan yang baik, berasaskan keikhlasan, kejujuran dan kesungguhan. Jika dahulu saudara/i berkhidmat dengan penuh dedikasi, hari ini tahap dedikasi itu perlu dilipatgandakan.

Cuba saudara/i renungkan betul-betul amanat yang disampaikan oleh Presiden parti. Beliau mengajak saudara/i semua balik ke pangkal perjuangan, berteraskan idealisme yang menjadi tonggak penubuhan parti yang kini genap 54 tahun. Saudara/i mesti memahami bahawa perwakilan yang memilih anda juga berhak menolak anda pada kemudian hari jika anda semua tidak boleh atau enggan berpegang teguh kepada prinsip perjuangan yang tidak lapok dek hujan dan lekang dek panas itu.

Umno sebagai wadah perjuangan orang Melayu memerlukan pemimpin yang dinamik lagi berwibawa, yang kental semangat juang tetapi lembut hati budinya, yang rela berkorban jiwa raga, yang sanggup menyinsing lengan bermandikan keringat untuk meredah ombak dan onak atas nama kegemilangan

agama, bangsa dan tanahair.

Tetapi awas saudara/i! Jika saudara/i menyeleweng daripada asas perjuangan yang ikhlas atas apa alasan sekalipun, saya kawatir air mata kegembiraan saudara/i akan bertukar menjadi air mata kecewa. Ayuh! Ambillah iktibar daripada doa keramat Presiden - "lindungilah kami daripada hasutan syaitan dan iblis, daripada nafsu tamak...dan berikanlah kami kekuatan iman, ketabahan hati supaya kami dapat meneruskan perjuangan..."

Semoga usaha saudara/i sekalian mendapat limpah kurniaNya juga.

Akhir kata, saya mohon ampun dan maaf jika terkasar bahasa dan jika kata-kata saya menyinggung perasaan saudara/i semua. Terima kasih daun keladi, kalau ada umur kita berjumpa lagi.